

Analisis penggunaan frasa yang betul.

Keluarga Harmoni

Keluarga ialah agen sosial yang terkecil dalam masyarakat. Namun, kerukunan dan keharmonian sesebuah keluarga memainkan peranan penting dalam pembentukan sesebuah masyarakat penyayang. Keluarga harmoni ialah idaman _____ . Terdapat pelbagai faktor yang mewujudkan keluarga yang harmoni.

Keutuhan teras keluarga harmoni. Kasih sayang yang _____ antara anggota keluarga mewujudkan ikatan yang kukuh antara ibu, bapa, dan anak-anak. Ibu bapa sentiasa berusaha untuk memenuhi keperluan _____. Keadaan ini menyebabkan anak-anak berasa dihargai oleh ibu bapa. Anak-anak _____ ibu bapa. Mereka juga tidak melukai ibu bapa.

_____, kesempurnaan didikan agama juga mampu mewujudkan keluarga harmoni. Agama _____ panduan hidup. Pegangan agama yang sempurna menjadi benteng yang kuat menangkis perkara yang buruk dalam keluarga. Anak-anak sentiasa mentaati ibu bapa. Anak-anak juga _____ hak masing-masing. Keharmonian keluarga terpelihara.

Selanjutnya, komunikasi yang berkesan antara _____ dan ibu bapa melahirkan keluarga harmoni. Ibu bapa sepatutnya menjadi pendengar setia terhadap permasalahan anak-anak. Perbincangan ibu bapa dan anak-anak perlu selalu dijalankan. Perbincangan merangkumi _____. Anak-anak perlu bersikap jujur. Sikap suka berbohong merugikan diri sendiri. Masalah akan sukar untuk diselesaikan jika _____ pihak tidak berterus terang.

Secara keseluruhannya, terdapat pelbagai faktor yang menyebabkan sesebuah keluarga yang harmoni terbentuk. Setiap individu mestilah memainkan _____ untuk mewujudkan keluarga yang harmoni. Hal ini dikatakan demikian kerana keluarga harmoni tonggak masyarakat penyayang. Masyarakat penyayang negara tenteram.